



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (13)  
3 Ogos 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 13/2000:**  
**Pendaftaran Kegiatan Seni Bela Diri Di Sekolah-Sekolah**

Surat Pekeling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 2/1997: Pengiktirafan Persatuan Seni Bela Diri Sebagai Pasukan Pakaian Seragam Sekolah.

2. Kegiatan seni bela diri di sekolah-sekolah adalah salah satu kegiatan kokurikulum yang disenaraikan dalam kategori keanggotaan pasukan pakaian seragam. Tujuan utama kegiatan ini adalah untuk memupuk disiplin diri, kepimpinan dan kecergasan fizikal di kalangan pelajar sekolah. Dalam masa yang sama, kegiatan ini boleh menggalakkan pelajar-pelajar mengisi waktunya dengan kegiatan yang berfaedah. Dalam hal ini, semua pihak yang terlibat dalam mengurus kegiatan ini di peringkat sekolah adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kegiatan ini bergerak selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan telah membuat ketetapan agar apa juarai persatuan atau kegiatan seni bela diri yang ingin atau sedang mengembangkan kegiatan di peringkat sekolah perlulah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan. Kerjasama semua pengetua dan guru besar sekolah dipohon untuk memastikan pertubuhan seni bela diri yang hendak atau sedang beroperasi di sekolah mengemukakan salinan surat kelulusan pendaftaran Kementerian Belia dan Sukan sebelum memberikan pertubuhan tersebut memulakan dan/atau meneruskan kegiatannya.

4. Sila maklumkan ketetapan ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

A handwritten signature in black ink, appearing to read "DATO SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH".

DATO SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan
4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
9. Ketua Nazir Sekolah
10. Pegawai Perhubungan Awam